PENGENALAN

Harta wakaf **:** tertahan dari sudut pemilikkannya & manfaatnya dinikmati demi membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam.

Tujuan tanah wakaf dibangunkan : untuk perladangan,menjana pendapatan & beri peluang pekerjaan kepada golongan miskin.

Menurut Imam Syafi'i**:** wakaf adalah sedekah *muhramat*.

Menurut Imam Sarkhasi (Mazhab Hanafi)**:** wakaf ialah tertahan pemilikan harta daripada orang lain.

PENDEKATAN MUSAQAH UNTUK PROJEK PERTANIAN

Musaqah (bahasa) : saling menyiram.

Musaqah (syara') : satu kontrak penyerahan tanaman kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil.

Hukum Musaqah :

-majoriti ulama mengharuskan akad kontrak.

-Abu Hanifah & Zufar tidak menggalakkan sama sekali.

HADIS KONTRAK MUSAQAH

(a) *"Ibnu Umar r.a menceritakan,bahawa Rasulullah s.a.w pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanah pertaniannya."* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

(b) *"Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah ia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 atau 1/4 dan tidak ada hak yang ditentukan."*

(c) *"Sedekah tidak halal bagi orang kaya, orang sihat dan kuat."* (Hadis Riwayat Abu Hurairah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w)

PERKAITAN DIANTARA AGIHAN FAKTOR & AGIHAN PERSONAL

-Agihan faktor merujuk kepada agihan sumber yang dibahagikan kepada golongan miskin yang berkeupayaan untuk menjalankan pekerjaan.

-Agihan personal adalah merupakan peruntukan khas daripada golongan kaya.

-2 jenis agihan ini berkait rapat kerana agihan personal membantu dalam melengkapi agihan faktor.

-Agihan ini bermaksud golongan miskin yang sihat tubuh badan & fizikal akan diberi lima atau sepuluh ekar kebun untuk diusahakan.

RUKUN MUSAQAH

1.Kedua Pihak yang Berkontrak : Kontrak yang dibuat oleh seseorang yang diharuskan berurusan dalam perkara harta adalah sah.(berakal & baligh)

2.Objek Musaqah : Imam syafie mensyariatkan buah kurma & anggur.

3.Buah : Pengkhususan bahagian bagi kedua pihak yang beraqad.

4.Kerja : Pengurus diberi kuasa sepenuhnya ke atas kerja berkenaan.

5.Ijab & Qabul : Ungkapan yang dibuat oleh pihak pemilik/pengurus.

By **nuradawiyah a rahim**

cheatography.com/nuradawiyah-a-rahim/

Published 21st June, 2020.
Last updated 21st June, 2020.
Page 1 of 1.

Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
https://apollopad.com